

UCAPAN

Y.BHG. DATO' MADINAH MOHAMAD

KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI & INOVASI

DI HARI INOVASI MOSTI 1/2010

**TEMPAT: PUSAT KONVENSYEN ANTARABANGSA PUTRAJAYA
(PICC)**

18 FEBRUARI 2010 (KHAMIS)

TERIMA KASIH PUAN Pengerusi Majlis

Y.B. DATUK SERI DR. MAXIMUS JOHNITY ONGKILI

MENTERI SAINS ,TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)

YB TUAN HAJI FADILLAH YUSOF

TIMBALAN MENTERI MOSTI

Y.BHG. DATIN PADUKA DR. KHADIJAH MOHD YUSOFF

TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (SAINS)

Y.BHG. DATO' DR. SHARIFAH ZARAH SYED AHMAD

TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (DASAR)

PEGAWAI-PEGAWAI Kanan Kementerian

KETUA-KETUA JABATAN DAN AGENSI MOSTI

Y.BHG. DATO'-DATO', DATIN-DATIN SERTA

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN.

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH, SALAM SEJAHTERA DAN SALAM 1MALAYSIA.

1. TERLEBIH DAHULU SAYA INGIN MEMANJATKAN KESYUKURAN KE HADRAT ALLAH S.W.T. KERANA DENGAN LIMPAH KURNIANYA DAPAT KITA SEMUA BERKUMPUL PADA PAGI YANG MULIA INI BAGI SAMA-SAMA MERAIKAN HARI INOVASI MOSTI BIL. 1/2010 YANG PADA KALI INI DIANJURKAN OLEH JABATAN STANDARD MALAYSIA.

2. SETERUSNYA SUKACITA SAYA MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MENGALU-ALUKAN DAN MENGUCAPKAN SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH KEPADA Y.B. DATUK SERI DR. MAXIMUS J. ONGKILI, MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI DAN Y.B. FADILLAH YUSOFF, TIMBALAN MENTERI MOSTI KERANA SUDI MELUANGKAN MASA BAGI SAMA-SAMA MENGHADIRI PERHIMPUNAN PADA PAGI INI WALAUPUN SEPERTI YANG KITA SEMUA SEDIA MAKLUM KEDUA-DUA PUCUK PIMPINAN MOSTI INI SENTIASA TERIKAT DENGAN PELBAGAI KOMITMEN YANG PERLU DILAKSANAKAN. KEHADIRAN Y.B. MENTERI DAN Y.B. TIMBALAN MENTERI PADA PAGI INI ADALAH AMAT BERMAKNA DAN MERUPAKAN SATU PENGHARGAAN BUAT KAMI SEMUA.

3. SAYA JUGA MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA DATO-DATO, DATIN-DATIN, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN YANG HADIR PADA MAJLIS INI. SESUNGGUHNYA MAJLIS SEPERTI INI AMAT BERMAKNA KEPADA KITA SEMUA KERANA HANYA DI MAJLIS SEPERTI INILAH KITA MENDAPAT PELUANG UNTUK

BERKUMPUL DAN SAMA-SAMA MENDENGAR AMANAT DARI Y.B. MENTERI UNTUK DIJADIKAN PANDUAN DALAM PELAKSANAAN TUGAS DAN TANGGUNG JAWAB KITA SELAKU WARGA MOSTI, TERUTAMANYA DALAM KITA MENGHADAPI CABARAN TAHUN BARU 2010. MARILAH KITA SAMA-SAMA MENGHAYATI AMANAT Y.B MENTERI MOSTI YANG KITA HORMATI DAN MENJADIKANNYA SEBAGAI SATU PENCETUS SEMANGAT UNTUK KITA MENERUSKAN PERJUANGAN DAN MATLAMAT KITA PADA TAHUN INI DALAM MEMBANGUN DAN MEMAJUKAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI NEGARA.

HADIRIN SEKALIAN,

4. SEPERTI MANA YANG KITA SEMUA SEDIA MAKLUM, MALAYSIA INOVATIF 2010 TELAH DILANCARKAN OLEH Y.A.B. PERDANA MENTERI PADA 27 JANUARI 2010 YANG LALU DENGAN JAYANYA HASIL DARI USAHA GIGIH DAN KERJASAMA SEMUA WARGA MOSTI, JABATAN DAN AGENSI. JUTAAN TERIMA KASIH DAN SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN SAYA KEPADA SELURUH WARGA MOSTI YANG TELAH TERLIBAT DALAM MENJAYAKAN MAJLIS PELANCARAN TERSEBUT. SESUNGGUHNYA, MAJLIS PERASMIAN TERSEBUT MERUPAKAN SATU TANDA BAHAWA CABARAN UNTUK MOSTI MENERAJUI MI2010 SECARA RASMINYA TELAH BERMULA.

5. JUSTERU ITU, ADAKAH KITA BERSEDIA UNTUK MENYAHUT CABARAN UNTUK MENDUKUNG DAN MEMBAWA AGENDA INOVASI KE PERINGKAT YANG LEBIH TINGGI. SEPATUTNYA SELEPAS

PELANCARAN TERSEBUT, MOSTI TELAH BERSEDIA UNTUK BERADA DI SATU LANDASAN YANG TINGGI DARI SEGI INOVASI. INI KERANA, SELURUH RAKYAT MALAYSIA SEDANG MEMERHATI BAGAIMANA MOSTI AKAN MENERAJUI DALAM ASPEK INOVASI.

6. SELURUH RAKYAT, TERMASUK RAKAN-RAKAN INOVATIF YANG TERDIRI DARIPADA PELBAGAI KEMENTERIAN, NGO, DAN GLC MEMPUNYAI PERANAN MASING-MASING DALAM MENJAYAKAN AGENDA MI2010. NAMUN DEMIKIAN, CABARAN SEBENARNYA ADALAH BAGAIMANA DAN DI MANAKAH PERANAN KITA SEBAGAI WARGA MOSTI DALAM MENJAYAKAN AGENDA INOVASI INI.

7. DI SINI SAYA BERPANDANGAN BAHAWA FOKUS KITA SEHARUSNYA KEPADA TIGA ASPEK UTAMA IAITU MANUSIA/ MODAL INSAN, PROSES DAN HASIL (OUTCOME). UNTUK MENERAJUI INOVASI, CABARANNYA ADALAH BAGAIMANAKAH MOSTI DAPAT MENENTUKAN HALATUJU DAN RENTAK (PACE) SERTA MENJADI CONTOH KEPADA YANG LAIN.

8. PERTAMA, SEBAGAI WARGA MOSTI, ADAKAH KITA BERDAYA CIPTA DALAM MELAKSANAKAN TUGAS KITA DENGAN CARA YANG BERBEZA DARI YANG LAMA. KEDUA, ADAKAH HASILNYA (OUTCOME) LEBIH EFISIEN ATAU LEBIH BERKESAN?

9. SETIAP SEORANG DARI KITA MEMPUNYAI KEMAMPUAN UNTUK MEMBAWA PERUBAHAN / INOVASI DALAM DIRI KITA DAN PERSEKITARAN. OLEH ITU, KITA SEHARUSNYA SAMA-SAMA BERUSAHA UNTUK MELONJAKKAN INOVASI KE TAHAP YANG

LEBIH TINGGI. BAK KATA PEPATAH INGGERIS, 'A JOURNEY OF A THOUSAND MILES BEGINS WITH THE FIRST STEP'.

10. AYUHLAH WARGA MOSTI YANG DIKASIHI SEKALIAN, BERINOVASILAH TERLEBIH DAHULU SEBELUM KITA BOLEH MENGATAKAN BAHAWA MOSTI MENERAJUI INOVASI DAN MENGANJAK RAKYAT MALAYSIA UNTUK BERINOVASI. SEHUBUNGAN DENGAN ITU, PADA PERHIMPUNAN HARI INOVASI YANG PERTAMA INI, SAYA JUGA MENYERU KEPADA SEMUA AGAR BIARLAH KITA BERANI UNTUK MENGORAK LANGKAH DAN MENCATAT SEJARAH SEBAGAI INSAN YANG BERINOVATIF DALAM TAHUN HARIMAU INI.

11. BAGI KETUA-KETUA JABATAN, AGENSI, BAHAGIAN DAN KLASSTER PULA, TANGGUNG JAWAB ANDA ADALAH LEBIH MENCABAR KERANA SELAIN DARI KEPERLUAN UNTUK MENCATAT PENINGKATAN YANG MELONJAK DALAM PRODUKTIVITI DAN KUALITI PERKHIDMATAN YANG DISAMPAIKAN, ANDA JUGA PERLU MENCUNGKIL BAKAT DAN IDEA BAGI MENGHASILKAN PEKERJA YANG INOVATIF. GANJARAN AKAN DIBERIKAN KEPADA YANG INOVATIF DAN BUKAN LAGI HANYA TERTUMPU KEPADA ANUGERAH KHIDMAT CEMERLANG. SELAIN DARI ITU, KRITERIA UTAMA YANG AKAN TURUT DIBERIKAN TUMPUAN DALAM MENGENAL PASTI CALON-CALON UNTUK MENERIMA ANUGERAH KHIDMAT CEMERLANG PADA TAHUN INI ADALAH MEREKA YANG BERJAYA MENUNJUKKAN KELAINAN (NOVELTY) DAN BERINOVATIF.

HADIRIN SEKALIAN,

12. SELAIN DARI MALAYSIA INOVATIF 2010, SUKA SAYA MENINGATKAN HADIRIN SEKALIAN BAHAWA KITA JUGA BERADA DI AMBANG RMK10. SEHUBUNGAN DENGAN ITU, KITA PERLU BERUSAHA BERLIPAT GANDA UNTUK MENJAYAKAN NKRA DAN MKRA YANG TELAH DITETAPKAN UNTUK MOSTI PADA TAHUN 2010 INI. FOKUS PERLU DIBERIKAN AGAR SEMUA KPI YANG TELAH DITETAPKAN DALAM NKRA DAN MKRA TERSEBUT DAPAT DICAPAI DENGAN CEMERLANG DAN MEMBERI FAEDAH KEPADA NEGARA DAN RAKYAT.

13. TAMBAHAN PULA, DALAM MODEL EKONOMI BARU YANG DIWAWARKAN OLEH YAB PERDANA MENTERI, MOSTI TELAH DIKENAL PASTI SEBAGAI SALAH SATU DARIPADA KEMENTERIAN YANG AKAN MEMACU PERUBAHAN EKONOMI NEGARA. JUSTERU ITU, MOSTI BUKAN SAHAJA HARUS DIKENALI SEBAGAI KEMENTERIAN YANG BERJAYA MENJANGKAU ANGKASA LEPAS DAN MENEROKAI LAUTAN, TETAPI MOSTI JUGA HARUS MENJADI SEBUAH KEMENTERIAN YANG MANA PROGRAM DAN AKTIVITINYA MAMPU MENYELAMI JIWA DAN HATI MASYARAKAT ATAUPUN DALAM ERTI KATA LAIN MOSTI HARUS MESRA DAN BERJIWA RAKYAT.

14. PADA TAHUN INI JUGA MOSTI AKAN MELAKSANAKAN TRANSFORMASI SECARA MENYELURUH. INSYAALLAH KITA AKAN DAPAT MELIHAT MOSTI BERWAJAH BARU DARI SEMUA ASPEK BERMULA PADA TAHUN 2010 INI. SEHUBUNGAN DENGAN ITU,

MOSTI JUGA TELAH MENSASARKAN AGAR DAPAT MENCAPAI TAHAP 5 BINTANG DALAM *STAR RATING* PADA TAHUN INI KERANA KITA TIDAK MAHU LAGI BERADA DI TAKUK LAMA DENGAN HANYA BERADA DI KELOMPOK 3 BINTANG. MOSTI PERLU UNGGUL DAN BERADA PADA KELAS YANG TERSENDIRI.

HADIRIN SEKALIAN,

15. MARILAH KITA SAMA-SAMA MUHASABAH DIRI, APAKAH YANG TELAH KITA CAPAI SETAKAT INI? APAKAH JURANG YANG MASIH ADA? ATAU APA YANG PERLU DIRANCANG DAN APA YANG PERLU DIBERIKAN SUPAYA PERANCANGAN BAGI RMK10 DAN PROGRAM-PROGRAM MOSTI YANG LAIN ADALAH TEPAT SASARANNYA DAN MENGHASILKAN FAEDAH EKONOMI DAN KEWANGAN UNTUK KESEJAHTERAAN RAKYAT.

16. KESEMUA MATLAMAT DAN SASARAN INI MENJADIKAN TAHUN 2010 MERUPAKAN SATU TAHUN YANG AMAT MENCABAR BAGI KITA SEMUA. JUSTERU, PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN YANG STRATEGIK SERTA KOMITMEN DAN USAHA YANG BERTERUSAN DARI ANDA SEMUA ADALAH AMAT DIHARAPKAN. JENTERA MOSTI PERLU SAMA-SAMA BERGERAK, BERSATU HATI DAN BEKERJASAMA BAGI MEMASTIKAN TAHUN 2010 SERTA TAHUN-TAHUN YANG MENDATANG MENJADI TAHUN YANG CEMERLANG BUAT MOSTI. SAYA SENTIASA OPTIMIS BAHAWA IMPIAN INI MAMPU KITA REALISASIKAN BERSAMA.

17. AKHIR KATA, SAYA INGIN MENGUCAPKAN SYABAS SEKALI LAGI KEPADA STANDARDS MALAYSIA DI ATAS INISIATIF DAN USAHA DALAM MENGANJURKAN MAJLIS PERHIMPUNAN HARI INOVASI YANG PERTAMA BAGI TAHUN 2010. TERIMA KASIH JUGA KEPADA SEMUA YANG TERLIBAT DALAM MENJAYAKAN PERHIMPUNAN INI DAN SAYA BERHARAP AGAR SELEPAS INI KITA SAMA-SAMA DAPAT MEMBERIKAN PERHATIAN DAN TUMPUAN KEPADA AMANAT YB MENTERI YANG KITA KASIHI.

SEKIAN, TERIMA KASIH.